



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

## MAJLIS PERASMIAN JALAN PINTAS RAWANG OLEH DATO' SRI HJ. FADILLAH BIN HJ. YUSOF, MENTERI KERJA RAYA

**Rawang, Selangor** : Jalan pintas Rawang dirasmikan Menteri Kerja Raya, Dato' Sri Hj Fadillah Hj Yusof, pada hari ini. Jalan pintas sepanjang 9 km dari Rawang ke Serendah ini merupakan mercu tanda unik dalam sejarah pembinaan jalan raya di Malaysia kerana ketika memandu melaluinya seakan-akan membelah kabus di waktu pagi atau selepas hujan dan memberikan pemandangan panorama yang sangat cantik di Bandar Rawang

Pembinaan persimpangan bertingkat ini adalah untuk menghubungkan jalan pintas baharu dan jalan sedia ada. Keunikan jalan pintas Rawang ini ialah pembinaan struktur tiang tertinggi di Malaysia dengan ketinggian 58.2 meter daripada aras tanah. Projek dilaksanakan secara berperingkat dan melibatkan jajaran baru dua lorong dua hala sepanjang 9 km dan struktur bertingkat 2.7km serta kerja menaiktaraf jalan persekutuan FT001 sepanjang 12.5 km. Struktur jambatan bertingkat ini dibina dengan kaedah *cast in-situ double T-Beam* menggunakan *overhead Moveable Scaffolding System (MSS)*, *double colum piers with intermedate tie beam for tall pier* dan *hand dug caisson pile*.

Kawasan hutan yang terlibat dalam pembinaan jalan pintas Rawang telah dikurangkan dari 65 hektar ke 24 hektar. Untuk memastikan projek ini mesra alam, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) bersetuju untuk membina jambatan di dalam kawasan hutan bagi meminimalkan kerja-kerja penambakan dan pemotongan cerun. Berbagai

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) | [Kementerian Kerja Raya](#) | [@MOWorks](#) | [Pro@kk.gov.my](mailto:Pro@kk.gov.my)

langkah telah di ambil oleh pihak JKR supaya kesan-kesan dari pembinaan jalan dan jambatan ini tidak menjejaskan alam sekitar. Kaedah-kaedah terbaru pembinaan diperkenalkan seperti penggunaan *geo-grid*, *hand dug cassion* dan "*precast interlocking slab*" untuk perlindungan sungai, alam sekitar dan lain-lain lagi. Pembinaan '*Silt Trap*' dan '*Silt Fence*' di lokasi tertentu bagi mengawal kelodak pasir dari memasuki sungai dan penanaman rumput yang segera dapat membantu pengekalan keadaan alam sekitar. Aspek pemeliharaan hutan Taman Warisan dan alam sekitar amat dititikberatkan dengan penambakan dan pemotionan cerun yang minimum bagi pembinaan jambatan. Penebangan pokok di tahap minima, laluan sungai sedia ada dikekalkan dan perangkap kelodak kekal juga akan dibina. Peletupan batu dijalankan secara '*control blasting*' dan berjadual.

Antara faedah-faedah dan manfaat yang akan diperolehi oleh orang ramai apabila jalan pintas Rawang ini dibuka ialah :

- i. Keindahan dan kecantikan Hutan Lipur Kanching akan terpelihara dan terjaga. Ianya juga dapat menggalak lagi industri pelancongan Selangor khasnya dan Malaysia amnya;
- ii. Kesesakan jalan raya yang begitu lama dihadapi penduduk kawasan Rawang, Serendah, dan Hulu Selangor akan dapat diselesaikan dan mengurangkan kemalangan maut;
- iii. Masa perjalanan ke utara akan dipendekkan daripada 2 jam ke 30 minit; dan
- iv. Jalan ini akan menjadi pemangkin pembangunan di masa hadapan terutamanya bagi kawasan Serendah dan Hulu Selangor.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**  
**28 NOVEMBER 2017**

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my